

e-BULETIN

JSKM

EDISI MAC 2025

LAMBAIAN KASIH
PERSAHABATAN

RAHSIA ALAMI UNTUK
KELEGAAN SAKIT KEPALA

MENYEMAI MINAT,
MENUAI KEJAYAAN
Perjalanan Seorang Pendidik
Ts. Wan Anisha
Wan Mohammad

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

KELUARAN KE-13

ISTIMEWA ANAK
SULUNG



Sidang Redaksi:

Ketua Editor

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Editor

Ts. Jamal Othman

Pn. Siti Mariam Saad

Pn. Zuraira Libasin

En. Ahmad Rashidi Azudin

Terbitan:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Unit Penerbitan e-Buletin

Jabatan Sains Komputer dan Matematik

UiTM Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh

Pulau Pinang



Kata Pengantar Ketua Editor

01

Kata Pengantar Koordinator

02

Ucapan Khas Salam Aidilfitri

03

Menyemai Minat, Menuai Kejayaan

04

Laporan Aktiviti

05

Perkongsian

16


Puisi

69

Isi

Kandungan e-Buletin





LAPORAN AKTIVITI

MAJLIS APRESIASI STAF, PENGHARGAAN OpIIC2024 & MAJLIS LAMBAIAN KASIH JSKM 2025

Oleh: Siti Nurleena Abu Mansor

Majlis Apresiasi Staf, Penghargaan OpIIC2024 & Majlis Lambaian Kasih JSKM 2025 telah diadakan bagi menghargai sumbangan staf Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang.





Program ini bertujuan mengiktiraf pencapaian staf dalam mencapai KPI jabatan serta meraikan perpindahan Ts Dr Rozita Kadar yang akan menamatkan perkhidmatan pada penghujung Februari 2025. Majlis ini juga menjadi platform untuk mengenalpasti staf yang berpotensi dan memberikan motivasi kepada mereka untuk terus berusaha menaikkan nama jabatan dan kampus.

Majlis ini melibatkan semua staf JSKM, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Tentatif program bermula dengan ketibaan staf, ucapan aluan dan bacaan doa, diikuti dengan majlis penganugerahan serta Majlis Lambaian Kasih untuk meraikan Dr Rozita. Sesi ini turut disertai dengan penyampaian cenderahati, upacara potong kek serta sesi bergambar dan jamuan, sebelum majlis bersurai pada pukul 2 petang.

Beberapa anugerah baru telah diberikan kali ini iaitu Anugerah Pengerak Produktiviti (Perakuan atas sumbangan dan kecekapan tinggi staf), Anugerah Nilai Murni dan Versatiliti (Perakuan atas fleksibiliti dan nilai sumbangan staf) dan Anugerah Semangat Juang (Menekankan kekuatan dalaman dan keupayaan staf untuk bangkit semula).

Majlis Apresiasi Staf ini diharapkan dapat menjadi aktiviti tahunan bagi meningkatkan semangat staf dalam mencapai KPI jabatan dan kampus. Kejayaan penganjuran majlis ini membuktikan komitmen JSKM dalam menghargai usaha dan sumbangan stafnya serta mewujudkan budaya kerja yang lebih positif dan produktif. Diharapkan inisiatif seperti ini akan terus diberi sokongan agar manfaatnya dapat dirasakan oleh semua pihak yang terlibat.







اَوَّلُ سَيِّئِي تَكُونُ لَوْ كُنِي مُبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang